

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

RPK 535 - Perancangan Wilayah Dan Desa

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pembubaran pembahagian wilayah sedia ada di Semenanjung Malaysia (Utara, Selatan, Timur dan Tengah) perlu dilakukan demi untuk memantapkan program pembangunan wilayah negara.

Sebagai jururancang, anda ditugaskan untuk melaksanakan pembahagian ini.

Berikan justifikasi untuk pembahagian baru ini dengan menghuraikan kriteria yang digunakan untuk menerangkan ciri-ciri setiap wilayah.

( 25 markah )

2. a) Huraikan perkara-perkara berikut:

- i) Matlamat dan objektif-objektif pembentukan dasar Hala Cara Baru (HCB)

- ii) Strategi perlaksanaan HCB

- b) Bincangkan dua model perkelompokan HCB yang dicadangkan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa.

( 25 markah )

3. Perancangan Wilayah adalah lebih mirip kepada Perancangan Awam kerana kebanyakan programnya dilaksanakan oleh agensi kerajaan yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kebajikan pihak awam.

Walau bagaimanapun, kedengaran ura-ura bahawa Kerajaan ingin memaksimumkan penglibatan pihak swasta di dalam Perancangan Wilayah.

...2/-

- a) Bagaimanakah pihak swasta boleh membantu Perancangan Wilayah di negara ini?
- b) Apakah kesan/kesan-kesan penglibatan tersebut?
- ( 25 markah )
4. a) Secara am bincangkan isu dan masalah utama Perancangan Wilayah.
- b) Pilih dua isu yang menurut pandangan anda paling kritikal dan huraikan dengan lebih terperinci berdasarkan perkara-perkara berikut:
- i) Sebab-sebab pemilihan
- ii) Kesannya kepada pembangunan wilayah
- iii) Masalah-masalah yang berkaitan
- Sertakan contoh-contoh.
- ( 25 markah )
5. Bincangkan peranan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) sebagai agensi kerajaan untuk melaksanakan tujuan-tujuan berikut:
- i) Mengurangkan ketidakseimbangan wilayah
- ii) Mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru
- Sertakan contoh-contoh yang berkaitan.
- ( 25 markah )

oooOoooo